

Jangan langgar peraturan universiti

► Peringatan kepada pelajar baru sempena Minggu Suai Mesra

“Pelajar perlu menghindarkan diri daripada membabitkan diri dengan kegiatan yang menjejaskan nama baik universiti dan negara. Tumpukanlah kepada pengajian selama tiga tahun berada di kampus ini.”

LABUAN: Pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) diingatkan supaya tidak melakukan perbuatan atau membabitkan diri dalam aktiviti yang menyalahi peraturan universiti dan undang-undang negara.

Penglibatan pelajar dalam kegiatan kurang sihat itu hanya akan menjejaskan nama baik sendiri, ibu bapa, keluarga, universiti dan Wilayah Persekutuan Labuan amnya.

Sehubungan itu, Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata sekiranya pelajar mempunyai masalah, mereka diminta merujuk isu berbangkit kepada pihak yang berkenaan terutama Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Majlis Perwakilan SPKAL dan SSIL.

Selain itu, beliau mengajak para pelajar supaya bersama-sama menjaga nama baik UMSKAL di mana jua mereka berada.

Labuan, kelmarin.

Pada majlis itu, seramai 714 pelajar baru sesi pengajian akademik 2013/2014 termasuk 30 pelajar dari China mendaftar masuk di kampus itu.

Turut hadir Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Syed Nasirin Zainal Abidin, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Sambil mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar baru ke UMSKAL dan Wilayah Persekutuan Labuan amnya, Ismail berkata pelajar seharusnya berbangga kerana berpeluang melanjutkan pelajaran ke menara gading berbanding calon-calon lain di luar sana yang gagal menjejaskan kaki ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).



ISMAIL (tiga kiri) bersama pegawai kanan menyanyikan lagu "Bertekad Cemerlang".

sekali ini untuk membuktikan pemilihan ke UMSKAL bukan satu kesilapan atau nasib semata-mata tetapi sememangnya

PROF MADYA DR ISMAIL ALI
Pengarah UMSKAL



PELAJAR lelaki mendengar amanat Pengarah Kampus UMS Labuan.



SEBAHAGIAN pensyarah dan kakitangan UMSKAL yang menghadiri Majlis Amanat Pengarah UMSKAL.

Katanya, mereka adalah sebagai duta kecil kepada UMS terutama yang membabitkan penyertaan dalam pelbagai aktiviti sehingga meraih kejayaan yang wajar dibanggakan sama ada di peringkat universiti, negeri, negara mahupun antarabangsa.

“Pelajar perlu menghindarkan diri daripada membabitkan diri dengan kegiatan yang menjejaskan nama baik universiti dan negara. Tumpukanlah kepada pengajian selama tiga tahun berada di kampus ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat Pengarah UMSKAL sempena Minggu Suai Mesra (MSM) di Dewan Utama UMS

Oleh itu katanya, pelajar sewajarnya menggunakan ruang dan peluang yang hanya datang



PELAJAR perempuan memenuhi Dewan Utama untuk mendengar Amanat Pengarah UMSKAL.

layak berdasarkan kelayakan akademik dan kokurikulum di peringkat sekolah atau Kolej



ISMAIL (kiri) yang diiringi Geoffrey (kanan) beramah mesra dengan pelajar baru sesi 2013/2014 pada Majlis Amanat Pengarah Kampus di Dewan Utama UMSKAL.

Matrikulasi.

“Saya ingin menasihatkan pelajar agar tidak meniasa-hikan harapan tinggi ibu bapa dan adik-beradik yang ingin melihat anda menggenggam segulung ijazah dalam tempoh tiga tahun akan datang.

“Ibu bapa yang duduk jauh di kampung halaman di Sabah, Sarawak mahupun Semenanjung Malaysia meletakkan harapan yang tinggi bukan sahaja mahu melihat anaknya berjaya dalam akademik tetapi bangga memiliki anak yang berdisiplin, berdaya saing, berdaya maju dan sentiasa berusaha mencapai

sesuatu dengan dibanggakan keluarganya,” katanya.

Ismail juga mahu pelajar membabitkan diri dalam semua aktiviti dan program anjuran universiti, sekolah dan kolej kediaman seperti sukan, kebudayaan, keagamaan, riadah dan kemasyarakatan selain program berbentuk akademik.

Katanya, penglibatan dalam aktiviti itu akan memantapkan pelajar sebagai seorang insan terpelajar sebelum menamatkan pengajian kelak masuk berada bersama-sama masyarakat dan alam pekerjaan.

Pada majlis itu, Ismail turut

memaklumkan beberapa kemudahan seperti kolej kediaman, sukan dan rekreasi, masjid dan dewan kuliah sedang dinaiktaraf untuk keselesaan pelajar pada masa akan datang.

Katanya, pihak universiti juga menyediakan klinik kesihatan untuk memudahkan pelajar mendapatkan rawatan awal bagi kes-kes yang ringan pada jam 6 petang hingga 10 malam pada Isnin, Rabu dan Jumaat.

“Pihak pengurusan universiti yang diterajui Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah akan memastikan pelajar UMSKAL

mendapat kemudahan yang sama seperti pelajar di kampus induk di Kota Kinabalu.

“Apa yang saya harapkan ialah anda tumpukan perhatian dan tugas utama anda iaitu belajar bersungguh-sungguh manakala penyediaan kemudahan termasuk wifi dan kafeteria serta keselamatan akan diurus oleh pengurusan universiti,” katanya.

Ismail juga berharap pelajar sentiasa menghormati pegawai, pensyarah dan kakitangan selain rakan seperjuangan selaras dengan gagasan 1Malaysia yang mengutamakan perpaduan dan persefahaman.